

STATISTIK KERATAN AKHBAR OGOS 2023

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	PEMILIHAN KEPIMPINAN NEGARA BERPANDU SIRAH HIJRAH NABI	HARIAN METRO MS 15	01-Aug-23	AGAMA
2	GRADUAN BERBEZA PANDANGAN ISU GAJI	BERITA HARIAN MS 19	07-Aug-23	SEMASA
3	PASARAN GRADUAN UNIVERSITI AWAM 92.8%	UTUSAN MALAYSIA MS 1&2	07-Aug-23	KPT
4	TERIMA DIPLOMA	UTUSAN MALAYSIA MS 28	8/8/2023	POLITEKNIK
5	BANTU PELAJAR MISKIN MASUK UNIVERSITI	SINAR HARIAN MS 27	15-Aug-23	KPT
6	TVET LALUAN MASA DEPAN	HARIAN METRO MS 16	30-Aug-23	KPT
7	PARLIMEN MAHASISWA PLATFORM TERBAIK LONTAR PANDANGAN KRITIS	BERITA HARIAN MS 12	30-Aug-23	KPT
8	MENGOPTIMUM GUNA TANAH	HARIAN METRO MS 16	31-Aug-23	RENCANA

Pasaran graduan universiti awam 92.8%

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Status pencapaian kebolehpasaran bagi graduan dari semua universiti awam (UA) pada tahun lalu mencecah 92.8 peratus manakala graduan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) 85.5 peratus.

Peratusan tersebut menunjukkan program dan kursus ditawarkan semua pusat pengajian tinggi negara ini selaras dengan keperluan industri sehingga kebolehpasaran graduan yang dilahirkan optimum.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Pembangunan), Prof. Datuk Dr. Norzaini Azman berkata, peratusan kebolehpasaran tersebut turut membuktikan institusi pendidikan tinggi (IPT) di negara ini menawarkan program akademik yang relevan, berdaya saing dan mampu melahirkan graduan berkualiti serta memenuhi pasaran.

Menurut beliau, pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 hingga 2025 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyasarkan untuk mencapai kadar kebolehpasaran graduan pada tahap 80 sehingga 85 peratus menjelang tahun 2025.

"Bagaimanapun, berdasarkan rekod tahun lalu, pelajar di semua UA dan IPTS mencatat kebolehpasaran sehingga 92.8 peratus dan 85 peratus iaitu lebih daripada yang ditetapkan," kata beliau.

Bersambung di muka 2

Pasaran graduan universiti awam 92.8%

utusan mgla
18/8/23
MS 2

Dari muka 1

Oleh itu, kata beliau, semua IPT negara ini mempunyai kebolehpasaran yang baik kerana setiap pusat pengajian tinggi menunjukkan prestasi memberangsangkan dalam meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan.

"Program pengajian peringkat universiti negara ini terbukti berkesan apabila kadar kebolehpasaran graduan adalah tinggi.

"KPT sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan IPT menawarkan kursus yang terkini serta selaras dengan keperluan pihak industri agar tahap kebolehpasaran adalah optimum," kata beliau.

Dr. Norzaini berkata, antara langkah membolehkan kebolehpasaran tinggi graduan adalah melaksanakan transformasi pendidikan tinggi awam melalui semakan semula kurikulum program akademik, melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh IPT.

Selain itu, kata beliau, pihak IPT memperkenalkan Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (FRC) dan memperkukuhkan inisiatif sedia ada program pembelajaran berasaskan pekerjaan serta pembelajaran berasaskan pengalaman di mana pendekatan ini menggabungkan pembelajaran akademik di dalam kampus dan pengalaman dalam industri.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan, KPT berdepan cabaran besar untuk memasti-



DR. NORZAINI AZMAN

Program pengajian peringkat universiti negara ini terbukti berkesan apabila kadar kebolehpasaran graduan adalah tinggi."

kan kira-kira 300,000 graduan di semua IPT yang tamat belajar setiap tahun agar dapat memenuhi kehendak industri.

Mengikut statistik dikeluarkan KPT pada 6 Julai lalu, bilangan kemasukan dan keluaran pelajar tahun 2022 berjumlah 1,202,202 yang direkodkan di semua peringkat pengajian dan kategori di IPT seluruh negara.

Bagaimanapun, berdasarkan kajian pengesanan graduan 2022 pula, hampir 30,000 gra-

duan atau 29,099 golongan itu belum bekerja daripada jumlah keseluruhan 295,962 graduan pada tahun berkenaan.

Mengulas lanjut, Dr. Norzaini berkata, kesemua 20 UA dalam negara mempunyai bidang tujuhan masing-masing dan penawaran program akademik baharu adalah berdasarkan bidang tujuhan tersebut agar UA tidak bersaing antara mereka dan juga bagi mengoptimumkan penggunaan sumber kerajaan.

Oleh itu, kata beliau, tidak ada keperluan untuk menggabungkan UA kerana bilangan kebolehpasaran graduan di semua pusat pengajian adalah tinggi berbanding hanya kira-kira 30,000 yang belum bekerja.

"Pihak Jabatan Pendidikan Tinggi mempunyai mekanisme pemantauan terhadap program akademik di UA supaya tidak bertindih. Hal ini dilakukan melalui Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) yang menilai dan memperakukan semua program akademik baharu serta semakan kurikulum program akademik sedia ada.

"Keahlian JKPT terdiri dari wakil Jabatan Perkhidmatan Awam, TalentCorp, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) serta wakil-wakil agensi Kerajaan yang lain dan badan profesional.

"Tapisan ini adalah amat penting untuk memastikan program-program yang ditawarkan oleh UA kekal relevan dan mampu melahirkan graduan yang holistik serta memenuhi keperluan industri," jelasnya.

Graduan berbeza pandangan isu gaji

Tuntutan kos sara hidup semasa memerlukan pembayaran upah lebih setimpal

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Graduan berpandangan dengan tuntutan kos hidup semasa terutama di bandar besar, gaji permulaan yang layak diterima mereka ialah sekurang-kurangnya RM3,000.

Graduan, Nur Hidayah Kamarulzaman, 23, berkata, kos sara hidup di bandar sekarang agak tinggi kerana makan tengah hari dan juga makan malam boleh mencecah RM20 sehingga RM30.

"Sekiranya kita berjimat dengan membawa bekal ke tempat kerja sekalipun, sekurang-kurangnya perbelanjaan bagi membeli barang dapur sahaja boleh mencecah RM400 hingga RM600 sebulan.

"Bagi menyewa bilik pula, sekurang-kurangnya kita perlu membayar RM500 hingga RM600. Sekiranya graduan dibayar RM2,500 ataupun gaji minimum RM1,500 memang tidak masuk akal," katanya.

Beliau berkata, graduan boleh mencari pengalaman di tempat yang menawarkan gaji rendah daripada pasaran ataupun sekiranya selesai untuk bekerja di sektor ekonomi gig, graduan boleh mencubanya.

"Bagaimanapun, kerja di sektor ekonomi gig tidak menjanjikan pendapatan yang tetap dan tidak kekal lama. Semua ini bergantung kepada pilihan masing-masing.

"Untuk diri saya sendiri, saya lebih cenderung untuk mencari kerja yang tetap kerana lebih terjamin. Jika melayari portal mencari kerja sekali pun, saya akan melihat dulu gaji yang ditawarkan," katanya.

Bagi Wan Muhammad Anwar Wan Aziz, 23, beliau berpendapat gaji yang layak diterima oleh graduan adalah sebanyak RM1,800 kerana cukup bagi untuk kos makan, pengangkutan, hutang pengajian dan juga sedikit simpanan.

"Jumlah gaji itu cukup untuk graduan menampung hidup mereka. Sekiranya untuk bermewah, memang tidak akan cukup," katanya.

Sektor gig lebih fleksibel

Beliau juga turut lebih cenderung untuk bekerja di sektor gig disebabkan kerja yang fleksibel.

"Sektor gig memberikan kelebihan kepada graduan untuk melakukan dua pekerjaan. Perkaranya ini membolehkan graduan mendapat sumber kewangan yang pelbagai bergantung kepada kerajinan.

"Selain itu, kebanyakan sektor swasta tidak mahu membayar gaji berdasarkan pasaran kerana kos operasi yang tinggi.

"Graduan boleh melakukan projek dengan syarikat swasta supaya dibayar mengikut projek berdasarkan kemahiran mereka. Dengan itu, mereka tidak perlu membelanjakan kos yang banyak untuk ke pejabat dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, bagi pekerja swasta, Aisyah Ashaari, 27, berkata, gaji yang layak diterima oleh graduan berdasarkan industri yang diceburi serta seiring

dengan keperluan ekonomi sekarang.

"Sekiranya mereka dapat menonjolkan kemahiran yang berguna untuk syarikat, majikan perlu mempertimbangkan untuk membayar gaji lebih tinggi.

"Pengalaman sangat penting untuk graduan untuk menambah nilai diri. Sekiranya saya berada di tempat graduan, saya akan bekerja di syarikat yang menawarkan pekerjaan yang sesuai dengan sijil saya, meskipun menerima bayaran yang rendah.

"Saya akan merancang untuk mencari peluang pekerjaan lain yang menawarkan gaji yang lebih tinggi selepas memperolehi pengalaman lebih dua tahun," katanya.

Sebelum ini, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli bimbang dengan kecenderungan gaji permulaan untuk lepasan ijazah di negara ini tidak jauh beza dengan paras gaji minimum pekerja tidak mahir, iaitu RM1,500 sebulan.

Rafizi menegaskan, apabila ada paras minimum terabit, sepatutnya gaji permulaan untuk lepasan ijazah naik lebih tinggi untuk menjarakkan daripada kedudukan itu.

Jumlah gaji itu cukup untuk graduan menampung hidup mereka. Sekiranya untuk bermewah, memang tidak akan cukup

Wan Muhammad Anwar Wan Aziz




Sekiranya mereka dapat menonjolkan kemahiran yang berguna untuk syarikat, majikan perlu mempertimbangkan untuk membayar gaji lebih tinggi

Aisyah Ashaari, Pekerja swasta



PEMILIHAN KEPIMPINAN NEGARA

Berpandu sirah hijrah Nabi

Bersama
Dr Mohd Ashrof
Zaki Yaakob

Paling penting,
keredaaan Allah
SWT dapat
dicapai selaras
dengan
matlamat
menjadi
sebuah negara
'Baladun
Thayyibatun
wa Rabbun
Ghaffur'




Bulan Muharam adalah bulan pertama dalam Takwim Hijrah. Muharam bermaksud 'diharamkan' iaitu Allah SWT melarang melakukan peperangan atau pertumpahan darah. Firman Allah SWT dalam **surah Al-Taubah ayat 36** yang bermaksud: "Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Ia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya); dan perangilah kaum kafir Musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya; dan ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertakwa."

Dalam memahami maksud ayat ini, ulama menyatakan terdapat dua makna pada istilah haram, iaitu pertama: Pada bulan-bulan tersebut diharamkan melakukan pembunuhan dan pertumpahan darah. Kedua: Pada bulan-bulan tersebut juga, dilarang melakukan perbuatan-perbuatan yang haram dan zalim sama ada kepada diri sendiri atau kepada orang lain. Kezaliman yang dimaksudkan itu seperti meninggalkan yang diwajibkan oleh Allah SWT dan melanggar apa yang dilarang-Nya dan tidak mentaati perintah-Nya.

Di luar daripada bulan-bulan haram ini, perbuatan seperti ini tentu sahaja ada berlaku, tetapi di dalam bulan-bulan haram ini lebih ditekankan kerana dosanya lebih besar dan berganda. Begitu juga sekiranya melakukan ketaatan, pahalanya juga lebih besar dan berganda. Justeru, pada bulan Muharam ini, selain aspek pengharaman melakukan maksiat dan dosa, Islam juga menekankan galakan agar melaksanakan sebanyak mungkin amalan soleh dan kebajikan.

Bulan Muharam juga sangat sinonim dengan simbolik perjalanan hijrah Rasulullah SAW yang telah diwahyukan oleh Allah SWT. Perjalanan hijrah Nabi Muhammad SAW ialah suatu perjalanan kemenangan Islam dan ia sudah tentu bukan sebuah perjalanan pelarian seperti yang diprovokasi oleh sesetengah pihak musuh Islam. Walaupun terdapat konspirasi segelintir kafir untuk membunuh



PERJALANAN hijrah Nabi Muhammad SAW ialah suatu perjalanan kemenangan Islam.

Nabi Muhammad SAW, namun ia bukanlah faktor utama kerana ia adalah perjalanan hijrah ketaatan bersandarkan wahyu Allah SWT.

Perjalanan hijrah Nabi SAW yang penuh cabaran dan berliku ini menggambarkan episod pengorbanan dan kejayaan seorang Rasul pembawa obor keimanan menerangi umatnya. Segala kesusahan dan kepayahan yang dilalui merupakan cabaran yang mesti dilalui demi ketaatan kepada Allah SWT, walaupun baginda dan umat Islam terpaksa meninggalkan sanak saudara dan harta benda. Natijahnya, rahmat Allah dan keampunan-Nya telah dijamin kepada para muhajirin. Firman Allah SWT dalam **surah al-Baqarah ayat 218** yang bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan Agama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Keagungan peristiwa hijrah Rasul SAW harus menjadi inspirasi kepada ummah kerana ia mempunyai pelbagai hikmah dan pengajaran. Ia menterjemahkan betapa besar maknanya perintah hijrah ini dalam kelangsungan menaikkan syiar Islam sebagai agama tauhid. Malah kejayaan dakwah Nabi Muhammad SAW amat berkait rapat dengan strategi yang baik dan tersusun, khususnya dalam menjawab sebarang tohmahan musuh-musuh Islam terhadap usaha dakwah Nabi SAW.

Peristiwa hijrah mengajak minda untuk berfikir kita betapa perancangan yang teratur dan

strategik menjadikan perancangan hijrah itu berjalan dengan begitu sempurna di sebalik cabaran dan dugaan yang mendatangi. Ia jelas terbukti apabila tokoh-tokoh penting dalam perjalanan hijrah Nabi SAW terdiri daripada pembantu-pembantu Nabi yang pintar dalam strategi risikan dan perang saraf, penghantaran bantuan makanan dan lain-lain lagi yang tersusun dalam pelaksanaannya. Kebijakan tindakan ini melibatkan tokoh seperti Saidina Abu Bakar RA, Saidatina Aisyah RA, Saidatina Asma' binti Abu Bakar, Saidina Umar Al-Khattab, Saidina Abdullah bin Abu Bakar, Saidina Ali bin Abi Talib dan ramai lagi sahabat-sahabat Baginda SAW.

Seiring dengan peristiwa hijrah dan permulaan takwim Hijri bagi umat Islam, semangat hijrah perlu dihayati sedalamnya oleh seluruh umat Islam di Malaysia. Pemahaman hijrah bukan hanya sekadar berpindah daripada satu tempat ke satu tempat lain tetapi juga difahami dalam konteks hijrah kepada yang lebih baik dan meninggalkan segala larangan Allah SWT. Diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amru RA, Nabi SAW bersabda: "Seorang Muslim itu ialah seseorang yang orang Islam lain selamat daripada (kejahatan) lidah dan tangannya. Dan seorang yang berhijrah itu ialah seseorang yang meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah." (**Hadis Riwayat Imam al-Bukhari**)

Semangat hijrah Nabi Muhammad SAW juga wajar dijadikan pedoman dalam situasi semasa, termasuk dalam menentukan kepemimpinan negara. Hijrah mengajar umatnya

agar sentiasa bersiap siaga dan berusaha dalam memastikan setiap matlamat dapat dicapai dengan jayanya di samping berdoa dan bertawakal. Dalam pemilihan kepemimpinan negara melalui medium demokrasi pilihan raya, umat Islam perlu menilai dan mengenal pasti aspek-aspek penting yang wajib dipertahankan dalam memastikan kedaulatan agama Islam dapat ditegakkan. Pada masa sama, keharmonian antara kaum dan agama juga perlu dipastikan terjamin dan terpelihara serta tidak menjadi punca kepada ketegangan yang akan merosakkan negara.

Usaha ini bukan perkara yang mudah, namun ia boleh tercapai dengan tahap kesedaran dan analisis matang terhadap kemampuan barisan kepemimpinan yang ditawarkan kepada rakyat. Rakyat perlu berhijrah minda daripada memilih pemimpin berdasarkan sentimen partian atau pengaruh semata-mata kepada penilaian jitu dan matang terhadap masa depan dan kedaulatan Islam secara menyeluruh dan holistik. Keseimbangan perlu dalam aspek kepentingan Islam di Malaysia, dan pada masa sama memastikan keharmonian kaum terpelihara, keyakinan pelabur kembali diraih agar pembangunan ekonomi negara juga dapat kembali kukuh seperti sedia kala. Paling penting, keredaaan Allah SWT dapat dicapai selaras dengan matlamat menjadi sebuah negara 'Baladun Thayyibatun wa Rabbun Ghaffur'.

Semoga bulan Muharam yang berkat serta permulaan tahun baru hijrah yang diraikan ini menjadi titik tolak kepada perubahan minda yang dipandu oleh sirah perjuangan hijrah Rasulullah SAW serta menjadi panduan dalam menterjemahkan proses pemilihan kepemimpinan negara berdasarkan minda hijrah yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Firman Allah SWT **Surah Al-Nisa', ayat 100** yang bermaksud: "Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Penulis Pengarah Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Parlimen Mahasiswa platform terbaik lontar pandangan kritis

- Arah tuju Parlimen Mahasiswa seharusnya memberi dampak ampuh selaras cadangan pindaan AUKU bagi menghasilkan kualiti kepemimpinan

- Pemimpin mahasiswa turut menggalas agenda untuk melengkapi pelajar IPT dengan kepintaran mengurus manusia dan kebijakan mengurus teknologi



Oleh Prof Dr Arifin Abdul
bhnews@bh.com.my

Dalam Penggugulan Usul Parlimen Mahasiswa Kebangsaan berdasarkan empat teras perbahasan baru-baru ini, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin memberi jaminan semua usul dan cadangan akan diberikan perhatian.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM)

Usul dan cadangan 35 daripada 187 perwakilan Parlimen Mahasiswa daripada universiti awam (UA) itu merangkumi isu ekonomi, kebajikan, pemerkasaan dan pembangunan mahasiswa serta pengantarabangsaan.

Antara cadangan perwakilan adalah mewujudkan dasar penempatan mahasiswa dan pemerkasaan inisiatif pembangunan bakat ke arah melahirkan mahasiswa kalis masa depan, diwujudkan pelan tindakan ekonomi gig siswa serta menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi antarabangsa.

Modul Parlimen Mahasiswa bertujuan memberi mahasiswa lebih ruang menyuarakan pendapat dan kefahaman mendalam mengenai peranan Parlimen selaku badan perundangan tertinggi negara.

Pengurusan setiap UA perlu membewrikan sokongan padu terhadap Parlimen Mahasiswa universiti masing-masing agar pentas ini berupaya menganjak budaya pemikiran kritikal dan kematangan golongan itu menyuarakan pandangan hal ehwal mahasiswa serta IPTA.

Kini selepas 23 tahun Parlimen Mahasiswa dibenarkan kerajaan, Parlimen ini agak tidak konsisten kerana perbezaan pendirian menteri terdahulu dalam menggerakannya.

Pemimpin mahasiswa bersilih ganti seharusnya memainkan peranan lebih jauh dalam menyuarakan pandangan bukan sahaja membantu mahasiswa, bahkan sebagai suara matang terbahat dalam kemajuan pendidikan tinggi lebih berkualiti.

Ini kerana fungsi dewan bebas membahaskan usul isu semasa berlaku di luar kampus sama ada nasional atau antarabangsa tanpa sekatan selagi tidak memainkan sentimen isu 3R (raja, agama dan kaum) mencabar undang-undang dan Perlembagaan.

Mohamed Khaled pada April lalu mencadangkan pindaan Seksyen 15 dan 16 Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 berkaitan kebebasan mahasiswa dalam beberapa perkara seperti aktiviti, kewangan dan politik.

Cadangan itu menjadi batu loncatan amat signifikan dengan kebebasan Parlimen Mahasiswa untuk berbahas dan berbincang.

Antara agenda Menteri Pendidikan Tinggi ialah pemerkasaan mahasiswa, kemudiannya beberapa universiti mula melaksanakan Bengkel Pemerkasaan Mahasiswa selaras dengan cadangan itu.

Malah beliau sendiri ketika menjawab Menteri Pengajian Tinggi sebelum ini, terbabit dalam pembentukan Parlimen Mahasiswa kali pertama pada 2010 dengan mewartakan pindaan perlembagaan UA ke arah Parlimen ini.

Evolusi dan reformasi ini menunjukkan Mohamed Khaled sebagai menteri paling komited kepada mahasiswa dan perkembangan ini mungkin dicemburui pemimpin mahasiswa terdahulu yang berasa dihambat kebebasan kerana AUKU.

Dengan berpegang prinsip autonomi, kebebasan dan demokrasi, Parlimen Mahasiswa peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) menjadi platform terbaik kepada wakil mahasiswa selaku pemegang taruh melontar pandangan dan idea bernas kepada pengurusan.

Perlu bijak guna keistimewaan

Ahli Parlimen Mahasiswa perlu bijak menggunakan keistimewaan Parlimen sebagai perantara mahasiswa dengan pengurusan universiti berkaitan permasalahan IPT, program pembangunan dan kebijakan mahasiswa ke arah kehidupan lebih kondusif dan holistik.

Pemimpin mahasiswa turut menggalas agenda untuk melengkapi pelajar IPT dengan kepintaran mengurus manusia dan kebijakan mengurus teknologi melalui Smart Skills dan Sharp Skill dalam setiap program serta aktiviti.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan institusi pendidikan di negara ini perlu meninggalkan kaedah ketinggalan zaman yang menyaksikan pelajar disekat daripada menggunakan hak untuk menjadi kritikal.

Kuantiti mahasiswa bertambah selaras pertambahan UA dan universiti swasta Malay-

sia menuntut anjakan kualiti kepemimpinan mahasiswa walaupun cabaran kepimpinan mahasiswa sekarang tidak sama dengan dekad 1970-an.

Ken Shelton dalam bukunya, *The New Paradigm of Leadership* menekankan kualiti kepemimpinan diperlukan dalam abad ke-21, iaitu kemampuan memimpin masa dan perubahan.

Kita mahu pemimpin mahasiswa memberi banyak suara dalam membangunkan universiti dan negara kerana perubahan kepemimpinan banyak dipengaruhi kualiti suara muda seiring ledakan teknologi di hujung jari.

Situasi dan tuntutan pada masa kini tidak sama seperti mahasiswa dekad terdahulu kerana kemajuan teknologi, rempuhan globalisasi, amalan universiti luar negara dan maklumat di hujung jari menyebabkan tanggungjawab kepemimpinan mahasiswa lebih teruji.

Saya mencadangkan Persidangan Parlimen Mahasiswa Kebangsaan perlu dijalankan minimum tiga hari dan dibuat dua kali setahun, bukan sahaja bagi memberi peluang dan pendalaman kepada mahasiswa berbahas, bahkan gerakan suara muda perlu dipertimbangkan kerajaan dalam pembangunan negara.

Isu besar berkaitan pendidikan

Saya menyeru pemimpin pelajar mewakili IPT ke Persidangan Parlimen Mahasiswa Kebangsaan selepas ini agar mencadangkan penyelesaian terbaik dalam isu lebih besar berkaitan pendidikan tinggi dan pembangunan negara untuk dipertimbangkan kerajaan.

Sebagai pemimpin pelapis masa hadapan, pengalaman diraih dalam perbahasan ini akan memantapkan mahasiswa dalam memberi cadangan idea lebih besar membantu pentadbiran universiti dan kerajaan untuk mahasiswa dan rakyat.

Sebagai contoh, isu besar berkaitan mahasiswa perlu diperhalusi ialah kemiskinan mahasiswa bandar, kemiskinan mahasiswa M40 menuntut mekanisme penilaian takrifan semula dan isu majikan dalam gaji permulaan graduan.

Selain itu, isu besar lain ialah hambatan syarat pengalaman kerja kepada graduan baharu, sejauh mana majikan memilih kasih graduan tempatan dengan luar negara dan cabaran negatif media sosial mempengaruhi generasi mahasiswa terhadap aspirasi kerajaan.

Arah tuju Parlimen Mahasiswa seharusnya memberi dampak ampuh selaras cadangan pindaan AUKU bagi menghasilkan kualiti kepemimpinan mahasiswa lebih progresif di peringkat nasional dan antarabangsa.

Ini bermakna usul diperhalusi perlu merentasi kepentingan dalam dan luar negara seperti menangani sentimen 3R, kedaulatan negara, perpaduan, kestabilan politik dan ekonomi negara kerana Parlimen Mahasiswa mesti membangunkan citra mahasiswa serta negara.

Mahasiswa sebagai entiti intelektual negara berfungsi sebagai semak dan imbang terhadap pentadbiran kerajaan. Saya yakin Parlimen Mahasiswa berupaya melahirkan modal insan holistik, berilmu, berkemahiran dan beradab selari.



SINAR HARIAN • SELASA 15 OGOS 2023

KEDAH

NEGERI 27

Bantu pelajar miskin masuk universiti

UniMAP menerusi KPT salur Dermasiswa B40 TVET biaya pengajian anak penoreh getah

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI
PADANG TERAP

Hasrat seorang remaja untuk mengejar cita-cita hampir terkubur apabila terpaksa melupakan tawaran pengajian ke universiti kerana kesempitan hidup keluarga.

Bagaimanapun hasil keprihatinan pengurusan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) akhirnya membawa sinar kepada Adam Haris Abdullah, 18, yang ingin menyambung pengajian Diploma Kejuruteraan Elektrik di universiti itu.

Naib Canselor UniMAP, Datuk Profesor Dr Zaliman Sauli berkata, delegasi UniMAP mengunjungi Adam Haris di Perumahan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Bukit Kura, Kuala Nerang di sini untuk menyampai-

kan bantuan.

"UniMAP menerusi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) segera menyalurkan Dermasiswa B40 Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET) bagi membiayai pengajian Adam Haris," katanya ketika menyampaikan surat tawaran Diploma UniMAP dan surat tawaran Dermasiswa B40 TVET kepada Adam Haris di sini pada Ahad.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Prof Ts Dr Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah; Pengarah Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar, Prof Madya Dr Mohd Arif Anuar Mohd Salleh dan Pengetua Kolej Kediaman Tuanku Tengku Fauziah, Irhamuddin Mansor.

Menurutnya, yuran penginapan pelajar terbabit juga ditanggung oleh universiti bagi membolehkannya mengikuti pengajian dengan lebih baik dan selesai.

Sempena kunjungan itu, Zaliman turut menyampaikan Bakul Rahmah UniMAP-KPT dan bantuan wang tunai RM500.

Sementara itu, Adam Haris berkata, dia dibesarkan keluarga angkat iaitu pasangan Mohd Aini Madon, 60, dan Siti Rodziah Awang, 59, sejak berusia 22 hari.



Zaliman (tiga dari kiri) menyampaikan surat tawaran pengajian Diploma Kejuruteraan Elektrik kepada Adam Haris di Perumahan KEDA Bukit Kura, Kuala Nerang pada Ahad.

"Pendapatan bapa sebagai penoreh getah hanya sekitar RM500 sebulan menyebabkan mereka hampir berputus asa mengizinkan saya menyambung pengajian.

"Tetapi hari ini saya bertuah kerana

berpeluang menyambung pengajian dalam bidang saya minati iaitu elektrik.

"Saya akan belajar bersungguh-sungguh bagi membalas jasa kedua ibu bapa walaupun saya hanya anak angkat mereka," katanya.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: TERIMA DIPLOMA

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 28

TARIKH : 08/08/2023



Terima diploma

SERAMAI 137 graduan menerima diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen Politeknik Metro Johor Bahru Ke-7 di Hotel Trove, Johor, baru-baru ini.

Graduan tersebut terdiri daripada 13 penuntut Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, 93 penuntut Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan serta 31 penuntut Diploma Keusahawanan.

Skrol kepada para graduan disampaikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Dr. Mohd. Zahari Ismail.

Yang turut hadir Pengarah Kanan (Kompetensi) JPPKK, Ts. Zainab Othman.

Pada majlis tersebut, seorang penuntut Diploma Keusahawanan, Siti Qairunnisa Nabila Yusaini dinobatkan sebagai penerima anugerah kecemerlangan.

■ MOHD. ZAHARI ISMAIL (dua dari kiri) bersama penerima anugerah Siti Qairunnisa Nabila yang turut disertai bapa dan ibunya pada Majlis Konvokesyen Politeknik Metro di Hotel Trove, Johor Bahru.

lokal



Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Mengoptimimum guna tanah

Penggunaan secara ekonomikal untuk pertanian memenuhi keterjaminan makanan

Kuala Lumpur

Penggunaan tanah secara optimum bagi aktiviti pertanian perlu dipertingkatkan untuk menampung makanan rakyat.

Tanah yang digunakan dengan maksimum untuk pertanian juga menambah baik kadar sara diri serta meningkatkan keterjaminan makanan khususnya bagi menampung keperluan apabila populasi penduduk negara dijangka terus meningkat.

Setiausaha Kluster Pertanian dan Sekuriti Makanan, Majlis Profesor Negara (MPN), Profesor Dr Anjas Asmara Samsudin berkata, menurut data yang dikeluarkan Jabatan Statistik pada 2020, unjuran jumlah penduduk dijangka bertambah kepada 36.4 juta pada 2030 dan 40.7 juta pada 2040.

Katanya, peningkatan itu memberi tekanan kepada sektor pengeluaran makanan dalam menawarkan keperluan harian makanan kepada penduduk negara ini.

"Jika keperluan ini tidak dapat dipenuhi oleh pengeluaran makanan dalam negara, kita perlu mengimport makanan bagi memenuhi permintaan tempatan dan ini akan merendahkan kadar sara diri pengeluaran makanan."

"Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (PeGUMN) yang dikeluarkan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) mendapati pada masa ini Semenanjung Malaysia dan Labuan mempunyai tanah pertanian seluas 5.36 juta hektar atau 40 peratus," katanya.

Namun katanya, menurut data itu sebahagian besar tanah itu digunakan bagi tanaman komoditi seperti sawit dan getah. Keluasan tanah pengeluaran makanan seperti tanaman makanan, penternakan dan perikanan adalah seluas 871,000 hektar atau 16 peratus.

Beliau berkata, data juga menunjukkan kawasan tanaman padi semasa adalah seluas 379,000 hektar atau

7.1 peratus dari keluasan Semenanjung Malaysia dan Labuan.

"Bagi memenuhi unjuran kadar sara diri ditetapkan dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 pada 2030, negara memerlukan tanah pertanian bagi aktiviti pengeluaran sumber makanan seluas hampir 1.3 juta hektar.

"Namun pelbagai cabaran terpaksa dihadapi sebelum dapat mencapai keluasan tersebut. Kajian ini juga mendapati sebanyak 62 peratus dari kawasan pengeluaran makanan sedia ada terdedah kepada risiko bencana selain tekanan pembangunan yang menyebabkan penukaran guna tanah di kawasan pengeluaran makanan."

"Sebagai contoh, aktiviti tebus guna sawah padi dan penutupan kandang ternakan kepada kawasan perindustrian atau perumahan," katanya.

Beliau berkata, dalam usaha untuk memperbaiki bekalan makanan dan seterusnya sekuriti makanan negara, beberapa pendekatan boleh dipertimbangkan antaranya pelaksanaan dasar guna tanah melalui penyisihan kawasan tanah pertanian khusus untuk penghasilan makanan dan sumber pemakanan lain.

"Jika keperluan ini tidak dapat dipenuhi oleh pengeluaran makanan dalam negara, kita perlu mengimport makanan bagi memenuhi permintaan tempatan dan ini akan merendahkan kadar sara diri pengeluaran makanan"

Untuk itu, katanya, kerajaan persekutuan disaran menyalurkan insentif kepada kerajaan negeri kerana mengekal dan memulihara kawasan sumber makanan negara demi memastikan kemampuan pemeliharaan dan pengendalian kawasan pengeluaran makanan terjamin.

"Cukai tanah bagi aktiviti pertanian yang rendah menyebabkan kerajaan negeri tiada pilihan untuk menebus guna tanah pertanian kepada perindustrian sebagai sumber pendapatan negeri melalui cukai tanah yang dikenakan."

"Pembukaan kawasan hutan bagi aktiviti pertanian perlu memberi fokus kepada penghasilan tanaman sayuran bagi kegunaan tempatan dan bukan produk untuk pasaran eksport seperti durian."

"Penglibatan Sabah dan Sarawak



DR Anjas Asmara

yang mempunyai kapasiti tanah yang luas turut dilihat berpotensi dalam membantu pengeluaran sumber makanan supaya import bahan makanan negara dapat dikurangkan," katanya.

Julai lalu, pada majlis peluncuran Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan akan memberi tumpuan kepada usaha untuk menambah baik Tahap Sara Diri (SSL) serta meningkatkan keterjaminan makanan.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, ia termasuk menambah keluasan tanaman tetapi juga mengoptimalkan penggunaan tanah perladangan sedia ada.

Mengulas lanjut tumpuan kerajaan itu, Anjas Asmara yang juga pensyarah Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, sektor pengeluaran makanan perlu memulakan penggunaan pelbagai teknologi moden se-

perti pertanian pintar, pertanian tepat selain mekanisasi dan automasi.

"Inovasi dan pelaburan dalam teknologi sistem pertanian akan memainkan peranan penting dalam memupuk produktiviti."

"Sebagai contoh, sistem tanaman secara hidroponik dan fertigasi dapat mengurangkan penggunaan air sebanyak 90 peratus berbanding pertanian secara konvensional."

"Kini, konsep pertanian baharu seperti *plant factory* (kilang makanan) sudah mula mendapat banyak penglibatan dari sektor swasta," katanya.

Katanya, melalui sistem itu, penggunaan ruang tanah dapat dioptimumkan dengan berkesan dan mampan.

"Pemeliharaan dan pemuliharaan tanah pertanian bagi penghasilan sumber makanan negara sangatlah penting agar kelangsungan serta keterjaminan sumber makanan negara berkekalan selama yang mungkin," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Datuk Zamri Yaakob berkata, di Malaysia penggunaan tanah untuk sektor pertanian masih lagi tidak optimum.

"Contohnya masih banyak tanah terbiar di kebanyakan negeri belum dibangunkan. Mungkin ada masalah juga nak bangun tanah terbiar, mung-

kin pemilikan penama sudah berlapis-lapis, tanah pusaka dan sebagainya yang menjadikannya bermasalah."

"Kerajaan kena ada dasar untuk membangunkan tanah terbiar sebagai keutamaan. Penggunaan tanah perlu dioptimumkan supaya ada hasil."

"Tanah terbiar itu bukan tanah kerajaan, ia tanah kepunyaan rakyat tetapi tidak dibangunkan," katanya.

Menurutnya, masalah tanah tidak diusahakan untuk pertanian juga ada berkaitan dengan sikap ramai orang muda tidak mahu terbabat dalam sektor pertanian.

Beliau berkata, pihaknya mempunyai hampir satu juta ahli peladang dan daripada jumlah itu tidak sampai 200,000 orang muda terbabat, yang lain kebanyakannya berusia 50 tahun dan ke atas.

"Saya tengok pembabit orang muda dalam pertanian belum memuaskan, lambat lagi nak kejar sasaran supaya 50 peratus daripada golongan itu."

"Orang muda yang nak ambil alih semakin berkurangan. Isu ini juga kerajaan perlu tangani untuk menarik minat orang muda kepada sektor pertanian," katanya.

Pengusaha cili fertigasi, Mohammad Yasir Jaafar, 43, turut berkata, tanah sebenarnya masih banyak bagi memastikan keterjaminan makanan.

Beliau yang menggunakan digital *Internet Of Thing* (IoT) di ladang cilinya menjelaskan antara kekangan orang muda adalah modal untuk permulaan.

"Ada juga orang muda yang berminat menceburi sektor pertanian tetapi kekangan modal. Ada juga yang mempunyai tanah seperti tanah keluarga tetapi anak muda itu tak mahu mengusahakan. Ini isu yang perlu diberi perhatian."

"Namun ramai dalam kalangan kita tak nampak pertanian boleh buat duit, padahal memang jelas boleh buat duit," katanya yang berhenti kerja swasta sejak 2015 untuk memupuk perhatian kepada penanaman fertigasi diusahakan.



MOHAMMAD Yasir (gambar dalam bulatan) menggunakan digital *Internet Of Thing* (IoT) di ladang cilinya menjelaskan antara kekangan orang muda adalah modal permulaan.

lokal



Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) menyokong sepenuhnya usaha memastikan pendidikan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) dipacu permintaan menerima dan melaksanakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Presiden MEF Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman berkata, malah usaha itu perlu dipertingkatkan supaya graduan TVET memenuhi keperluan untuk pekerja berkemahiran tinggi yang semakin meningkat.

Beliau berkata, langkah sedemikian menjadikan graduan TVET bersedia sepenuhnya untuk menyumbang kepada majikan yang mengambil mereka bekerja tanpa melalui fasa latihan baharu atau latihan semula kerana dibekalkan kemahiran diperlukan di pasaran kerja.

Pembabitan sektor swasta dalam program TVET adalah penting untuk mewujudkan sistem TVET dipacu permintaan yang menyumbang ke arah pencapaian matlamat negara.

“Dasar TVET kebangsaan selari Ekonomi Madani diperkenalkan kerajaan yang memacu pembangunan kemahiran berkualiti melalui gabungan latihan berasaskan bilik darjah dan pengalaman praktikal di tempat kerja memerlukan pembabitan lebih tinggi daripada majikan sektor swasta.

“Kerjasama dengan sektor swasta membantu pelatih TVET memperoleh kemahiran diperlukan di tempat kerja, juga mengurangkan



DENGAN bekalan graduan TVET mahir yang mampan, majikan lebih yakin untuk menerima dan melaksanakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). - Gambar fail

TVET laluan masa depan

Kerjasama antara industri, institusi latihan jamin kemahiran graduan sentiasa relevan dengan keperluan pasaran semasa

kan ketidakpadanan antara graduan TVET dan permintaan pasaran buruh,” katanya.

Mengulas lanjut, katanya, latihan praktikal ditawarkan sektor swasta menyedai pengalaman persekitaran kerja dan mewujudkan sikap lebih baik kepada graduan TVET.

Beliau berkata, pembabitan majikan sektor swasta dalam latihan TVET adalah peranan strategik yang penting untuk meningkatkan kerelevanan graduan TVET. “Penyertaan sektor swasta dalam penggabungan dasar dan kurikulum TVET dan proses membuat keputusan adalah penting untuk pembangunan TVET yang mampan dipacu oleh permintaan pasaran buruh.

“Juga penting penyertaan sektor swasta membentuk rangka kerja dasar untuk TVET dalam pembangunan kemahiran memudahkan

integrasi pembelajaran dan amalan di tempat kerja sekali gus mengukuhkan tabir urus TVET.

“Selain itu, penyertaan sektor swasta dalam jawatankuasa TVET kebangsaan memastikan kurikulum TVET memenuhi permintaan pasaran kerja semasa,” katanya.

Menurutnya, pembabitan itu memastikan apa diajar dalam pendidikan TVET relevan dengan keperluan sektor swasta kerana membolehkan graduan TVET bersedia bekerja tanpa latihan semula di tempat kerja tempoh lama hingga menelan belanja tinggi.

Pada masa sama, Syed Hussain berkata, ia juga mengurangkan kos penyedia TVET sambil meningkatkan peluang pelatih untuk pembangunan kemahiran yang diperlukan graduan TVET.

“Apa pun, perlu dijelaskan dalam sistem pendidikan

kan TVET yang dipacu permintaan memastikan mereka boleh diambil bekerja dan dapat menarik pakej pekerjaan lebih baik.

“Dengan bekalan graduan TVET mahir yang mampan, majikan lebih yakin untuk menerima dan melaksanakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan digitalisasi dalam proses pengeluaran dan perkhidmatan mereka.

“Untuk memastikan graduan TVET mempunyai kemahiran kalis masa depan, terdapat keperluan untuk industri terbabit secara aktif membangunkan kurikulum dan dalam penyampaian pembelajaran juga penilaiannya,” katanya.

Kata beliau, MEF mempunyai beberapa cadangan memperkasakan TVET yang jelas membawa manfaat jangka panjang kepada pembangunan kurikulum negara.

Beliau berkata, antara cadangan MEF adalah meningkatkan pembiayaan TVET untuk memastikan pelajar mempunyai akses kepada peralatan dan kemudahan terkini, dan untuk menarik serta mengekalkan guru, jurulatih dan pelajar berkecayaan tinggi.

“Kakitangan akademik TVET harus diberi lebih banyak cuti sabbatical untuk mengikuti latihan di industri, untuk meningkatkan lagi pengetahuan mereka dan mempunyai maklumat

langsung mengenai perkembangan terkini dalam industri dan seterusnya memahami keperluan mereka.

“Pendidikan TVET boleh dibuat lebih relevan dan responsif kepada keperluan pasaran buruh. Reputasi TVET perlu dipertingkatkan dengan mempromosikan manfaat TVET dan menonjolkan kisah kejayaannya.

“Ini membantu menarik lebih ramai pelajar berkualiti ke TVET dan mengurangkan stigma berkaitan pendidikan vokasional bahawa ia kononnya hanya untuk pelajar lemah akademik,” katanya.

Syed Hussain berkata, sistem pendidikan TVET pada masa ini dihipotek mandat dan bidang kuasa berbilang, bertindih antara bidang kuasa kementerian serta agensi terbabit.

Katanya, hal itu memberi banyak kekangan kepada kelancaran sistem TVET kerana akreditasi program diletakkan di bawah dua entiti berasingan dan dilihat mengelirukan majikan sektor swasta.

“Diploma dan ijazah yang dianugerahkan kepada graduan TVET hendaklah diiktiraf sepenuhnya oleh kerajaan dan industri.

“Dengan perubahan dan pembangunan TVET yang terkini, TVET menjadi pendidikan paling relevan pada masa hadapan.

“Masa hadapan juga didorong oleh teknologi dan kecerdasan buatan (AI). Ia menjadi lebih robotik dan digital. Ia memerlukan pengalaman langsung dengan alatan moden. TVET ialah laluan untuk masa hadapan,” katanya.

Beliau berkata, MEF mendukung saranan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini, yang menyeru syarikat besar dan syarikat multinasional (MNC) membantu menampung pembiayaan TVET.

Katanya, dengan berbuat demikian, syarikat besar dan MNC secara langsung membantu rakyat untuk memperoleh kemahiran tinggi melalui pendidikan TVET.

Sementara itu, Naib Presiden 1 Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) Mohd Azamanizam Baharon berkata, supaya lebih mantap memenuhi keperluan pembangunan negara, sistem pendidikan nasional perlu lebih bersifat permintaan (demand driven) berbanding penawaran (supply driven).

“Sistem pendidikan negara kita mesti bersifat demand driven supaya kurikulum dan latihan kemahiran disediakan relevan.

“Apa yang penting, ia dapat memenuhi permintaan pasaran pekerjaan terutama dunia hari ini berubah kepada digital Internet Of Thing (IoT). “Justeru, memang ada keperluan kebolehpasaran graduan atau pelatih multi-tasking (berbilang kemahiran), berminda usahawan dan disulam penguasaan bahasa, idea dan berinovatif lagi kreatif,” katanya.



REPUTASI TVET perlu dipertingkatkan dengan mempromosikan manfaat TVET dan menonjolkan kisah kejayaannya. - Gambar fail